



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

PELANCARAN RUNDINGAN PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS (FTA)

ASEAN-KANADA DI MESYUARAT KONSULTASI

MENTERI-MENTERI EKONOMI ASEAN (AEM) – CANADA KALI KE-10

(10TH AEM-CANADA)

RABU, 17 NOVEMBER 2021

1. Mesyuarat Konsultasi Menteri-Menteri ASEAN – Canada kali ke-10 (10th AEM-Canada) telah diadakan secara maya pada 17 November 2021. Mesyuarat tersebut telahpun dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Puan Yang Terutama Mary Ng, Menteri Perdagangan Antarabangsa, Promosi Eksport, Perniagaan Kecil dan Perkembangan Ekonomi Kanada. Mesyuarat dihadiri oleh Menteri-Menteri Ekonomi negara-negara anggota ASEAN (AMS) dan Tuan Yang Terutama Dato Lim Jock Hoi, Setiausaha Agung Sekretariat ASEAN. Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi).
2. Hasil utama mesyuarat ini adalah pelancaran rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) ASEAN-Kanada, yang merupakan salah satu daripada *Priority Economic Deliverables* (PEDs) Negara Brunei Darussalam pada tahun ini. Adalah dijangkakan, setelah FTA dimuktamadkan, ianya akan dapat memberi impak positif dan meningkatkan perdagangan dan pelaburan dua hala di antara ASEAN dan Kanada. Sebagai FTA pertama dengan Amerika Utara, perjanjian ini dijangka akan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ASEAN sebanyak AS\$39.4 bilion (1.6 peratus) dan KDNK Kanada sebanyak AS\$5.1 bilion (0.3



peratus). FTA ini juga akan memberi ASEAN akses kepada pasaran Kanada yang mempunyai penduduk seramai 38 juta orang dengan KDNK AS\$1.64 trilion.

3. Mesyuarat juga mengambil maklum mengenai status kemajuan Pelan Kerja 2021 – 2025 untuk melaksanakan Deklarasi Bersama ASEAN-Kanada bagi Perdagangan dan Pelaburan (JDITI) serta status projek pembinaan kapasiti di bawah Mekanisma Penggunaan Pakar untuk Perdagangan dan Pembangunan (EDM) dan Dasar Perdagangan.
4. Mesyuarat selama sehari ini merupakan perundingan tahunan di antara AMS dan Kanada, iaitu salah sebuah rakan dialog ASEAN. Mesyuarat tersebut juga memberi peluang bagi Menteri-Menteri Ekonomi dan Majlis Perniagaan Kanada-ASEAN (CABC) untuk bertukar-tukar pandangan dan memberikan cadangan mengenai isu semasa terutamanya yang berkaitan dengan kesan COVID-19 dan usaha pemulihan ekonomi.
5. Turut hadir pada mesyuarat tersebut ialah Yang Mulia Dr Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, Setiausaha Tetap (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta pegawai-pegawai Bahagian Perdagangan.